

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN**  
**FUN RIDE BAGAN 1.0 2016**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Para peserta Fun Ride Bagan 1.0

Seterusnya Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

---

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Selamat Pagi

Bersyukur kita kehadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan Program Fun Ride Bagan 1.0 bagi tahun 2016. Saya dengan sukacitanya merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua anjuran Cross World Cycling Club dengan disokong oleh pihak MPSP

dan Think City.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

Program Fun Ride Bagan 1.0 akan disertai oleh 300 orang peserta yang mana akan melalui jarak kayuhan sepanjang 30km dengan 40% adalah *off road* iaitu laluan jalan sawah padi dan pantai manakala 60% adalah menggunakan laluan jalan raya. Saya difahamkan, pengayuh seterusnya akan berhenti di dua pit stop yang telah ditetapkan iaitu di Taman Senangan dan Food Court Pantai Bersih yang mana terdapat 20 marshall yang bertugas bagi program ini dengan diiringi oleh anggota Trafik, Polis Diraja Malaysia. Pengharapan saya kepada semua peserta, sila patuhi peraturan yang telah ditetapkan dan keselamatan diri sepanjang program ini berlangsung adalah menjadi keutamaan.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

Adalah diharapkan, program Fun Ride Bagan 1.0 akan dapat membuka minat setiap lapisan masyarakat untuk mengambil bahagian secara aktif dalam mengamalkan cara hidup sihat. Semoga program ini akan diteruskan penganjurannya pada tahun yang akan datang.

Seterusnya, saya dengan ini merasmikan program Fun Ride

## Bagan 1.0

Sekian,      Wabillahitaufik      Walhidayah      Wassalamualaikum  
Warahmatullahi